

21 MAY 2003

Abdullah-Ekonomi

TPM YAKIN PAKEJ EKONOMI BUAHKAN HASIL DALAM TIGA BULAN

BANGI, 21 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin pakej ekonomi yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini akan membantu merangsangkan ekonomi negara dan memberi hasil dalam masa tiga bulan.

"Saya berpendapat pakej ekonomi kita boleh membantu merangsangkan ekonomi dan boleh jadi dalam masa tiga bulan boleh kita melihat keberkesannya," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata pakej itu adalah satu pakej untuk merangsangkan pelbagai sektor ekonomi terutamanya bagi golongan yang berpendapatan rendah, industri pelancongan dan juga industri yang berkaitan dengan perumahan.

"Di samping itu juga ada dana-dana yang ditubuhkan yang akan dikelolakan oleh pihak bank dan dalam hal ini bank diharapkan untuk memainkan peranan yang lebih aktif supaya dapat meminjam wang-wang yang tidak dipinjam itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menutup seminar yang bertajuk "Mempertahankan Maruah Dan Kedaulatan Negara : Menangani Agenda Serantau Dan Antarabangsa" anjuran oleh Pertubuhan Alumni Kelab-Kelab Umno Luar Negara.

Seminar itu diadakan di Institut Latihan Keselamatan Sosial Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di sini.

Abdullah berkata wang yang tidak dipinjam itu adalah sebenarnya wang kerajaan dan pihak bank perlu lebih aktif dan cepat dalam meluluskan permohonan pinjaman.

Katanya, semua tindakan yang digariskan dalam pakej strategi baru ekonomi itu adalah semata-mata untuk menjana pembangunan ekonomi negara.

"Inilah saya kata kita mencari segala kekuatan yang ada pada kita, apa juga sumber yang ada pada kita, kita gembelngkan semua ini dan kita akan gunakan untuk merangsangkan pembangunan ekonomi," katanya.

Ditanya mengenai beberapa kelonggaran yang diberi kepada industri perhotelan dalam pakej tersebut, beliau berkata ini adalah kerana industri itu berada dalam keadaan yang teruk pada waktu ini kesan daripada Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

Menjawab soalan lain, Abdullah berkata MTUC tidak patut berpiket berikutan penurunan kadar faedah KWSP yang diberi kepada penjarum tabung itu tahun ini.

"Tak sepatutnya mereka pilih tindakan seumpama itu. Kita semua sepatutnya bekerjasama dan apa-apa tindakan yang boleh melemahkan tindakan rangsangan yang kita ambil itu perlulah dielak," katanya.

Abdullah juga berkata penjarum KWSP patut bersyukur dengan apa yg telah diberi terutama sekali pada waktu ketidaktentuan global.

Mengenai dua orang pesakit SARS yang dihantar oleh kerajaan Singapura ke Malaysia baru-baru ini, beliau berkata kerajaan akan meminta penjelasan mengenai perkara itu daripada kerajaan Singapura.

"Saya tidak lihat ini satu perkara yang boleh menjejaskan persefakatan dalam kerjasama Asean tapi perkara ini telah berlaku dua kali dan perlulah kita mendapat keterangan yang jelas dari Singapura," katanya.

Beliau berkata kerajaan telah diberitahu oleh pihak Singapura yang saringan untuk pesakit SARS di sempadan kedua-dua negara berkesan tapi "kalau begitu mengapa ini berlaku".

Katanya, fakta mengenai insiden itu perlu jelas sebelum sebarang

kenyataan rasmi dapat dikeluarkan.

"Dalam hal ini saya lebih suka mendapat maklumat dan penjelasan mengapa ia berlaku sebelum kita membuat andaian-andaian yang boleh merosakkan hubungan kita," katanya.

-- BERNAMA
SR MAS AHH MOZ